134	180mm x 257mm (7" x 10")	Saku/Wallet	Putih	100	Woodfree	88.80	85.38
135	180mm x 257mm (7" x 10") – Bertingkap	Saku/Wallet	Putih	100	Woodfree	91.89	88.35
136	230mm x 325mm (9" x 12.75")	Saku	Putih	100	Woodfree	156.76	150.72
137	230mm x 325mm (9" x 12.75") – Bertingkap	Saku	Putih	100	Woodfree	184.56	177.45
138	305mm x 46mm (12" x 16")	Saku	Putih	100	Woodfree	226.94	218.22

F. SAMPUL SURAT KEGUNAAN LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA (LHDNM)							
BIL.	SAIZ SAMPUL	JENIS SAMPUL	WARNA	BERAT ASAS (GSM)	JENIS KERTAS	HARGA BERSIH 500 KEPING	
						HARGA BAGI 5000 KEPING KE BAWAH (RM)	HARGA BAGI 5001 KEPING KE ATAS (RM)
139	245mm x 160mm A-222	Wallet	Putih	100	Woodfree	66.53	63.76
140	325mm x 230mm C4B-221	Saku	Putih	100	Woodfree	131.37	131.37
141	325mm x 230mm C4B-222	Saku	Putih	100	Woodfree	131.37	131.37
142	225mm x 150mm B9-206	Wallet	Putih	100	Woodfree	65.58	62.84
143	303 x 458 mm Peel & Seal (13" x 18")	Saku	Putih	100	Woodfree	399.17	382.54

LAMPIRAN C**PERANCANGAN PEROLEHAN KONTRAK PUSAT MEMBUAT, MEMBEKAL, MENGHANTAR DAN MENYERAH SAMPUL SURAT KEPADA SEMUA AGENSI KERAJAAN DI SEMENANJUNG MALAYSIA**

TAHUN : _____
 KEMENTERIAN : _____
 AGENSI : _____

JENIS SAMPUL	BULAN												JUMLAH
	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS	
JUMLAH													

Tandatangan Pegawai : _____
 Jawatan : _____
 Tarikh dan Cop Agensi : _____

Adalah disahkan bahawa perancangan perolehan yang dinyatakan di atas adalah benar bagi tahun _____.

LAMPIRAN D**BORANG ADUAN KONTRAK PUSAT MEMBUAT, MEMBEKAL, MENGHANTAR DAN MENYERAH SAMPUL SURAT KEPADA SEMUA AGENSI KERAJAAN DI SEMENANJUNG MALAYSIA**

Kepada :

Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Bahagian Perolehan Kerajaan
Aras 3, Blok Utara
Kompleks Kementerian Kewangan Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 PUTRAJAYA
(u.p.: Ketua Seksyen Kontrak Pusat & Sistem Panel)

1. Aduan Lewat/Kurang/Gagal Bekal

Nama Kontraktor	No. Pesanan dan Tarikh	Jenis Sampul	Kuantiti Pesanan	Tarikh lanjutan bekalan (jika ada)	Kuantiti yang dibekalkan	Kuantiti yang belum dibekalkan	Tarikh akhir pembekalan

2. Perkara-perkara lain
(Perkara-perkara lain yang tidak terkandung dalam jadual di atas)

Tandatangan Pegawai :
Jawatan :
Tarikh dan Cop Agensi :

KONTRAK PUSAT BAGI BEKALAN KERTAS A4 PUTIH 80 GSM**1. TUJUAN**

- 1.1 Peraturan ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Kementerian, Jabatan, Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Badan Berkanun Persekutuan (Agensi) di Semenanjung Malaysia mengenai Kontrak Pusat bagi bekalan kertas A4 putih 80 *grams per square meter* (gsm).
- 1.2 Bagi perolehan kertas selain daripada kertas A4 putih 80 gsm, Agensi hendaklah menguruskan perolehannya mengikut tatacara perolehan semasa yang berkuat kuasa.

2. BUTIR-BUTIR KONTRAK

- 2.1 Kementerian Kewangan telah bersetuju memperbaharui Kontrak Pusat bagi pembekalan kertas A4 putih 80 gsm untuk kegunaan semua Agensi di Semenanjung Malaysia untuk tempoh selama tiga (3) tahun mulai **1 Januari 2025 hingga 31 Disember 2027**.
- 2.2 Butiran Kontraktor seperti berikut:

Syarikat/Kontraktor No. Kontrak	Alamat/Pegawai Perhubungan/ No.Tel & Faks/E-mel	Bank
Percetakan Nasional Malaysia Berhad (253940-X) No. Kontrak: PERB/PK/02/2025	Jalan Chan Sow Lin, 50554 WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR. No. Tel. : 03 – 9236 6888 No. Faks : 03 – 9222 4773 Emel : cservice@printnasional.com.my <i>Person In Charge (PIC)</i> En Radin Hazar Bin Radin Harun <i>Hot Line 1 : 019 - 332 3627</i> <i>Hot Line 2 : 019 - 223 4682</i>	CIMB Bank Menara CIMB Sentral Ground Floor Menara CIMB Jalan Stesen Sentral 2, Kuala Lumpur Sentral 50470 KUALA LUMPUR No. Akaun Bank: 8603390115

3. HARGA

- 3.1 Harga di bawah kontrak ini adalah harga bersih termasuk kos pembungkusan, kos penyimpanan, kos penghantaran dan fi ePerolehan iaitu RM11.25 bagi satu (1) rim bagi tempoh 1 Januari 2025 sehingga 31 Oktober 2025.
- 3.2 Harga baharu di bawah kontrak ini adalah RM12.04 bagi satu (1) rim bermula 1 November 2025.

4. ANGGARAN KEPERLUAN

- 4.1 Semua Agensi dikehendaki membuat perancangan perolehan tahunan bagi memastikan penghantaran dilaksanakan mengikut jadual. Agensi hendaklah mengemukakan jadual anggaran dan perancangan keperluan tahunan melalui e-mel kepada kontrakpusat@treasury.gov.my sebelum atau pada 15 Disember setiap tahun sepanjang tempoh kontrak.
- 4.2 Format jadual anggaran dan perancangan keperluan tahunan adalah seperti di **JADUAL I**.

5. SPESIFIKASI

- 5.1 Spesifikasi kertas A4 putih 80 gsm adalah seperti yang dinyatakan di dalam **JADUAL II**.

6. PEMBUNGKUSAN

- 6.1 Setiap rim kertas A4 putih 80 gsm dibalut dengan kertas *moist protected* dengan kandungan lima (5) rim dalam setiap kotak.

7. TEMPOH KONTRAK

- 7.1 Tempoh kontrak ini adalah selama tiga (3) tahun bermula 1 Januari 2025 hingga 31 Disember 2027.

8. TEMPOH PENGHANTARAN

- 8.1 Tempoh penghantaran ialah dalam tempoh **tujuh (7) hari kalendar** mulai dari tarikh Pesanan Tempatan (LO) dikeluarkan.
- 8.2 Agensi adalah dibenarkan untuk membuat perubahan tempoh penghantaran kepada sesuatu tempoh lain tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- (i) Perubahan ini dibuat dengan persetujuan bertulis Ketua Jabatan atau wakilnya dengan Kontraktor. Salinan persetujuan tersebut hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan dengan kadar segera.
- (ii) Agensi berkenaan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap perubahan ini.

8.3 Sekiranya Kontraktor gagal membuat bekalan dalam tempoh penghantaran yang ditetapkan, **Agensi dibenarkan:**

- (i) membeli bekalan yang dikehendaki itu daripada punca-punca lain dan menolak bekalan yang dipesan daripada Kontraktor. Jika kos memperoleh bekalan itu daripada punca-punca lain melebihi harga dalam kontrak ini, Kontraktor adalah dikehendaki membayar perbezaan harga sebagai pampasan kepada Kerajaan; **atau**
- (ii) setuju terima pembekalan itu dan mengenakan Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan (*Liquidated And Ascertained Damages - LAD*) seperti formula berikut:

$$\frac{\text{Nilai Pesanan Lewat} \times \text{Base Rate}^* \times \text{Bilangan hari lewat}}{365 \text{ hari}}$$

Contoh :

Nilai Pesanan = RM10,000.00

Bilangan hari lewat = 5 hari

Kaedah pengiraan:

$$= \frac{\text{Nilai Pesanan} \times \text{BR}}{365 \text{ hari}} \times \text{Bilangan hari lewat}$$

$$= \frac{\text{RM10,000} \times 3.9\%}{365 \text{ hari}} \times 5 \text{ hari}$$

$$= \text{RM5.34}$$

*Base rate yang dirujuk adalah base rate institusi kewangan yang dinyatakan di Perenggan 8 di atas pada tarikh pesanan dibuat.

- 8.4 Agensi bertanggungjawab memastikan semua tolakan LAD dibuat sebelum bayaran muktamad kepada kontraktor atau memotong bayaran daripada pesanan-pesanan berikutnya. Agensi bertanggungjawab sepenuhnya sekiranya gagal mengenakan LAD atau potongan bayaran ke atas Kontraktor. Satu (1) laporan hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan untuk tindakan selanjutnya.
- 8.5 Sebarang pesanan yang tidak dapat dibekalkan atau lewat dihantar oleh Kontraktor sehingga tiga (3) kali pesanan, pihak Agensi hendaklah melaporkan dengan segera dalam tempoh empat belas (14) hari kalendar daripada tarikh pesanan terakhir kepada Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan untuk tindakan selanjutnya.

9. PESANAN

- 9.1 Semua pesanan hendaklah dibuat terus kepada Kontraktor dengan menggunakan Sistem ePerolehan (eP) bagi PTJ yang *eP onboard* atau mengeluarkan Pesanan Tempatan (LO) secara manual bagi PTJ yang belum *eP onboard*. Maklumat terperinci mengenai sesuatu Kontrak Pusat seperti nama pembekal, jenis barangan, spesifikasi, tempoh kontrak dan lain-lain boleh diperolehi secara elektronik melalui eP. Agensi yang menggunakan eP hanya perlu membuat carian dan maklumat tersebut akan dapat diakses secara automatik. **Pesanan akhir hendaklah dibuat oleh Agensi sebelum tarikh 31 Disember 2027.**
- 9.2 Apabila membuat pesanan, Agensi dikehendaki memberi alamat penghantaran yang lengkap serta nama pegawai yang menguruskan bekalan dan nombor telefon untuk dihubungi supaya pembekalan dapat disempurnakan.

10. PESANAN MINIMUM

- 10.1 Pesanan minimum bagi satu penghantaran adalah lima puluh (50) rim.
- 10.2 Bagi Agensi yang keperluan tahunannya kurang daripada jumlah pesanan minimum, pembelian di luar Kontrak Pusat hendaklah mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan melalui e-mel.

- 10.3 Agensi tidak dibenarkan memecah kecil pesanan untuk membolehkan pembelian di luar kontrak. Agensi yang melaksanakan perolehan di Perenggan 10.2 adalah bertanggungjawab sepenuhnya dan tertakluk kepada teguran Audit.

11. PEMERIKSAAN SEMASA MENERIMA BEKALAN

- 11.1 Agensi adalah bertanggungjawab memastikan bekalan yang diterima adalah sekurang-kurangnya sama seperti spesifikasi yang dipesan. Jika terdapat kerosakan/kekurangan, Kontraktor hendaklah menggantikan jumlah yang rosak/kurang itu dalam tempoh lima (5) hari kalendar dari tarikh penolakan bekalan oleh Agensi tanpa sebarang tambahan kos.
- 11.2 Jika ada sebarang keraguan tentang kualiti, Agensi boleh berhubung dengan pihak SIRIM QAS International Sdn. Bhd. (SIRIM) atau Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) bagi menentukan kesahihan kualiti kertas berbanding dengan spesifikasi mengikut kontrak. Agensi juga hendaklah meminta Kontraktor menggantikan jumlah (rim) kertas tersebut dengan bekalan baharu tanpa apa-apa kos tambahan dan tuntutan-tuntutan lain yang berkaitan sebagaimana dalam kontrak. Penolakan hendaklah dibuat secara bertulis dan disalinkan kepada Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan. Kontraktor mestilah menggantikan bekalan (rim) kertas tersebut dalam tempoh lima (5) hari kalendar daripada tarikh pemberitahuan dikeluarkan.

12. ADUAN

- 12.1 Agensi hendaklah mengemukakan sebarang aduan secara rasmi, jika ada, dalam kadar segera atau selewat-lewatnya 14 hari dari tarikh berlakunya perkara yang diadakan ke alamat e-mel: aduan.kontrakpusat@treasury.gov.my. Kementerian Kewangan tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang masalah yang berbangkit selepas tempoh tersebut akibat kegagalan Agensi mematuhi arahan ini.
- 12.2 Semua aduan hendaklah menggunakan format seperti di lampiran dan dihantar kepada pihak-pihak yang berkaitan seperti berikut:

Bil.	Penerima Aduan	Salinan Aduan
(i)	Kontraktor : Percetakan Nasional Malaysia Berhad Jalan Chan Sow Lin, 50554 WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR Format: JADUAL III	Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan Alamat e-mel: aduan.kontrakpusat@treasury.gov.my
(ii)	Aduan berkaitan kualiti kertas: (i) Ketua Eksekutif SIRIM QAS International Sdn. Bhd. No. 1, Persiaran Dato' Menteri P.O.Box 7035, Section 2 40700 Shah Alam SELANGOR Atau (ii) Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) Bahagian Keluaran Hutan 52109 Kepong SELANGOR (Agensi penguji untuk mendapatkan pengesahan spesifikasi) Format: Surat rasmi	(i) Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan Alamat e-mel: aduan.kontrakpusat@treasury.gov.my (ii) Kontraktor Percetakan Nasional Malaysia Berhad Jalan Chan Sow Lin, 50554 WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR Alamat e-mel : cservice@printrnasional.com.my
(iii)	Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan (untuk memaklumkan prestasi Kontraktor dan aduan-aduan lain) Alamat e-mel: aduan.kontrakpusat@treasury.gov.my Format: JADUAL IV	-

- 12.3 Segala perbelanjaan ke atas ujian kertas oleh mana-mana Agensi yang terlibat akan ditanggung oleh Kontraktor, jika terbukti kertas yang dibekalkan tidak mematuhi spesifikasi dan syarat yang ditetapkan. Jika kertas yang diuji memenuhi spesifikasi kertas yang ditetapkan maka Agensi hendaklah menanggung perbelanjaan tersebut.

13. PEMBAYARAN BIL

- 13.1 Pembayaran bil-bil tuntutan yang dikemukakan oleh Kontraktor hendaklah dibuat mengikut tatacara semasa yang ditetapkan.
- 13.2 Bagi dokumen tuntutan pembayaran yang telah lengkap dan penyerahan disempurnakan oleh Kontraktor, pembayaran bil mengenainya hendaklah dijelaskan dalam **tempoh empat belas (14) hari** dari tarikh dokumen lengkap diterima.
- 13.3 Pengesahan penerimaan bekalan kertas hendaklah dibuat dengan segera pada hari bekalan disempurnakan untuk membolehkan Kontraktor mengemukakan bil tuntutan dengan segera. Agensi tidak perlu menunggu laporan ujian kertas untuk membuat bayaran.

14. PEMAKAIAN KONTRAK

- 14.1 Semua Agensi hendaklah mematuhi peraturan Kontrak Pusat ini sepenuhnya dan tidak dibenarkan membeli dari punca lain tanpa kebenaran Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan.
- 14.2 Mana-mana Agensi yang masih mempunyai kontrak pembekalan kertas A4 putih 80 gsm yang sedang berkuatkuasa hendaklah meneruskan kontrak sehingga tamat. Perolehan kertas A4 putih 80 gsm baharu adalah tertakluk kepada pemakaian Kontrak Pusat ini.
- 14.3 Spesifikasi dalam kontrak ini adalah spesifikasi gunasama pelbagai Agensi. Sekiranya spesifikasi ini tidak sesuai dengan keperluan Agensi, Agensi adalah dipohon untuk mengemukakan spesifikasi yang diperlukan dengan menyatakan justifikasi bagi pertimbangan Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan.

15. HAL-HAL LAIN

15.1 Alamat perhubungan surat-menyurat adalah seperti berikut:

Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan Malaysia
Bahagian Perolehan Kerajaan
Seksyen Kontrak Pusat & Sistem Panel
Aras 3, Blok Utara
Kompleks Kementerian Kewangan
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 2
62592 PUTRAJAYA
No. Tel : 03-8882 3278/4093/3231
E-mel : kontrakpusat@treasury.gov.my

JADUAL I

BORANG PERANCANGAN TAHUNAN DAN ANGGARAN KEPERLUAN
TAHUN :

Agensi :

Daerah : Negeri :

Keperluan Setahun (rim)	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sept	Okt	Nov	Dis
Contoh: 50,000 rim	10,000			10,000			10,000			10,000		10,000

Pegawai bertanggungjawab/perhubungan:

1) Nama :
No. Tel :
No. Faks :
E-mel :

2) Nama :
No. Tel :
No. Faks :
E-mel :

JADUAL II**SPESIFIKASI**

Syarikat hendaklah menawarkan spesifikasi yang sama atau lebih tinggi daripada spesifikasi minimum yang ditetapkan. Spesifikasi kertas A4 putih 80 gsm adalah seperti berikut:

BIL.	PERKARA	SPESIFIKASI MINIMUM
1.	Jenama	IK Yellow
2.	Saiz Kertas	210mm x 297mm (A4)
3.	Berat Kertas	80 gsm
4.	Jenis	Simili bond
5.	Kandungan Per Rim	500 helai
6.	Kesesuaian Kegunaan Kertas	<i>Two Sided Copying</i> Faks <i>Copier</i> <i>Ink-Jet</i> <i>Laser</i>
7.	Kertas Pembalut	<i>Moist Protected</i>
8.	Kandungan dalam 1 Kotak	Lima (5) rim
9.	Keputihan Kertas (Whiteness)	≥ 100 CIE
10.	Nilai pH Kertas	>7
11.	Kelembapan (%)	4 – 5
12.	Ketebalan Kertas (μm)	95 – 107
13.	Arah Gentian Kertas	<i>Machine Direction</i>
14.	Kecerahan Kertas (<i>Brightness</i>)	≥ 90%
15.	Kelegapan (<i>Opacity</i>)	≥ 92%
16.	Kadar Kekesatan Kertas (<i>Roughness</i>)	TS ml./min 0-400 BS ml./min 0-400
17.	Kandungan Debu	Tiada
18.	Memenuhi piawaian ISO 9001:2015/ISO 14001:2015 atau MS 1288:2012 atau pensijilan kualiti/pengiktirafan daripada mana-mana badan pensijilan yang setara dengannya	
19.	Pengiktirafan Produk Hijau	Ya
20.	Kertas sekurang-kurangnya <i>Elementary Chlorine Free (ECF)</i>	Kertas adalah berdasarkan kepada penggunaan semula gentian kertas pasca-pengguna (kertas kitar semula); atau

		- Kertas yang dihasilkan adalah melalui penggunaan dan pelepasan tenaga yang rendah / penanaman semula; atau - Mengelakkan penggunaan bahan-bahan tertentu dalam kertas dan bahan peluntur
21.	Harga Bersih	Termasuk Kos Pembungkusan, Kos Penghantaran, Kos Penyimpanan dan fi Sistem ePerolehan
22.	Ilustrasi Bungkus Kertas	 Nota: Cetakan “HAK MILIK KERAJAAN MALAYSIA (TIDAK BOLEH DIJUAL BELI)” pada bungkus kertas dan kotak seperti mana persetujuan Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan.

JADUAL III

CONTOH
BORANG ADUAN KONTRAK PUSAT KERTAS A4 PUTIH 80GSM

Kepada:

Percetakan Nasional Malaysia Berhad

(u.p.: Encik Radin Hazar Bin Radin Harun)

Alamat e-mel: cservice@printnasional.com.mySalinan kepada: aduan.kontrakpusat@treasury.gov.my

BAHAGIAN 1: JENIS ADUAN (TANDAKAN [X] PADA KOTAK BERKENAAN)		
X	Aduan kelewatan penghantaran	Tarikh:
	Aduan kualiti kertas/ kertas rosak	Lokasi:
	Lain- lain aduan (nyatakan)	Nama Jabatan:

BAHAGIAN 2: PENERANGAN ADUAN (DIISI OLEH JABATAN PENGADU)	
- Jabatan membuat pesanan kertas A4 Putih 80 gsm sebanyak 100 rim pada 4 Februari 2025 pada jam 11.30 pagi melalui pesanan kerajaan nombor PK000111333. - Kertas diterima pada 15 Februari 2025 pada jam 3.00 petang. - Pesanan sepatutnya diterima dalam tempoh 7 hari kalendar iaitu selewat-lewatnya pada 11 Februari 2025. Berlaku kelewatan pembekalan selama 4 hari. - Denda akan dikenakan atas kelewatan/ pembelian dari sumber lain selaras dengan perenggan XX 1PP/PK. (jika berkenaan) - Jumlah denda adalah RM xxx akan ditolak daripada nilai pembekalan yang dibuat - Jabatan telah membeli dari punca lain dan perbezaan kos memperolehi lebih mahal RM xxx daripada pembekalan syarikat. Potongan bayaran disebabkan oleh perbezaan kos akan dibuat daripada pesanan akan datang.	
Pegawai Yang Bertanggungjawab/ Pelapor	Ketua Bahagian
Tandatangan : Nama : Jawatan : Alamat e-mel : No. Tel. Pejabat :	Tandatangan : Nama : Jawatan : Alamat e-mel : No. Tel. Pejabat :

BAHAGIAN 3: PENGESAHAN TINDAKAN (DIISI OLEH PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD)
- Pengesahan kelewatan (jika berkenaan) - Tindakan pembetulan yang telah diambil (jika berkenaan)

BAHAGIAN 4: CATATAN / TINDAKAN SUSULAN (DIISI OLEH BAHAGIAN PEROLEHAN KERAJAAN)
- Denda RM xx telah dikenakan pada tarikh xx/xx/xx (jika berkenaan) - Potongan bayaran disebabkan oleh perbezaan kos telah dibuat daripada XX
Tandatangan : Nama : Jawatan :

	JADUAL IV
	BORANG PENILAIAN KEPUASAN PELANGGAN / ADUAN (KONTRAK PUSAT)

Nama Pembekal/ Nombor Pendaftaran Syarikat	Kategori/ item dibekalkan	Nilai perbelanjaan tahunan kategori (RM)	Kementerian / Agensi:

Bil.	Kriteria Penilaian	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju
		1	2	3	4	5
1.	Bekalan/perkhidmatan menepati spesifikasi dan kualiti yang dipersetujui dalam perjanjian					
2.	Tempoh penghantaran/pelaksanaan dalam masa yang ditetapkan (Delivery Timelines)					
3.	Kuantiti bekalan/perkhidmatan dan kebolehfungsian seperti yang dipersetujui/dipohon agensi					
4.	Pembekal adalah responsif terhadap pertanyaan/ aduan/ teguran					
5.	Adakah anda mahu pegawai Bahagian Perolehan Kerajaan menghubungi dan berbincang dengan anda dengan lebih lanjut mengenai perkara ini? Jika Ya: Pegawai untuk dihubungi: No. Telefon: Alamat e-mel:	Ya/Tidak				

Petunjuk Prestasi

Amat Memuaskan	Gred A	90% – 100%	JUMLAH SKOR = $\frac{\text{Jumlah Markah}}{20} \times 100$ =----- %
Sederhana	Gred B	70% – 89%	
Memuaskan	Gred C	50% – 69%	
Tidak Memuaskan	Gred D	< 50%	

Lain-lain Aduan- Nyatakan (jika ada)

--

Tandatangan Pegawai Yang Bertanggungjawab	Tandatangan Ketua Bahagian
Tandatangan : _____ Nama : _____ Jawatan : _____ Tarikh : _____	Tandatangan : _____ Nama : _____ Jawatan : _____ Tarikh : _____

Lampiran 4**KONTRAK PUSAT BAGI MEMBEKAL, MEMASANG, MENGUJI DAN MENTAULIAH ALAT PEMADAM API MESRA ALAM AEROHUB® AEROSOL FIRE SUPPRESSION SYSTEM DAN FK5112 CLEAN AGENT FIRE SUPPRESSION SYSTEM DI BANGUNAN KERAJAAN DI SELURUH SEMENANJUNG MALAYSIA****1. LATAR BELAKANG**

1.1 Kementerian Kewangan Malaysia telah bersetuju melantik syarikat Hub Technologies (M) Sdn Bhd sebagai syarikat pembekal Kontrak Pusat Kementerian Kewangan dan selepas ini disebut sebagai Kontraktor bagi Membekal, Memasang, Menguji dan Mentauliah Alat Pemadam Api Mesra Alam Aerohub® Aerosol Fire Suppression System dan FK5112 Clean Agent Fire Suppression System untuk tempoh tiga (3) tahun mulai 1 November 2023 hingga 31 Oktober 2026.

1.2 Butiran lengkap Kontraktor adalah seperti berikut:

Syarikat/ No. Kontrak	Alamat/ No. Telefon/ No Faks	Perincian Bank
Hub Technologies (M) Sdn Bhd PERB/PK/1/2023	No. 10, Jalan Raja Bot 35/134 Alam Impian, Seksyen 35 40470 Shah Alam Selangor Tel: 03-5166 4477 Faks: 03-5166 4499	RHB Islamic Bank Berhad Cawangan Kota Kemuning No. 1, Ground Floor Jalan Anggerik Vanilla X31/X Kota Kemuning, Seksyen 31 40460 Shah Alam Selangor Darul Ehsan No Akaun: 26260700004448

2. AGENSI PENGGUNA

2.1 Agensi pengguna terdiri daripada Kementerian, Jabatan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Badan Berkanun Persekutuan dan Pihak Berkuasa Tempatan di Semenanjung Malaysia sahaja tidak termasuk Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.

3. HARGA

3.1 Kadar harga bagi kontrak pusat di atas adalah seperti berikut:

Bil.	Item	Kadar Harga
a.	Aerohub® Aerosol Fire Suppression System	Kadar harga bagi mereka bentuk, membekal, memasang, menguji dan mentauliah alat pemadam api mesra alam Aerohub® Aerosol Fire Suppression System adalah ditetapkan mengikut isi padu bilik/ kawasan 'normally unoccupied' sebanyak RM355.00 per meter padu bilik termasuk aksesori dan perkhidmatan penyelenggaraan Peralatan dalam tempoh tanggungan kecacatan.
b.	FK5112 Clean Agent Fire Suppression System	Kadar harga bagi mereka bentuk, membekal, memasang, menguji dan mentauliah alat pemadam api mesra alam FK5112 Clean Agent Fire Suppression System adalah ditetapkan mengikut isi padu bilik/ kawasan 'normally occupied' sebanyak RM355.00 per meter padu bilik termasuk aksesori dan perkhidmatan penyelenggaraan Peralatan dalam tempoh tanggungan kecacatan.

3.2 Harga adalah dalam Ringgit Malaysia tidak termasuk semua jenis cukai yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia. Manakala, Fi ePerolehan sebanyak 0.4% adalah termasuk dalam kadar harga sebagaimana penguatkuasaannya ke atas pelaksanaan perolehan semasa.

3.3 Senarai peralatan/bahan yang termasuk dalam kadar harga adalah mengikut Spesifikasi Pembekalan dan Spesifikasi Teknikal seperti di **Lampiran A** dan **Lampiran B**.

3.4 Kos-kos lain yang tidak termasuk di dalam kadar harga di atas, jika perlu, seperti berikut:

- (i) Naik taraf bekalan elektrik (seperti kerja-kerja pendawaian termasuk *Galvanised Iron (GI) conduit* daripada sub-kotak agihan atau soket sedia ada). Kadar harga adalah tertakluk kepada Jadual Kadar Kerja Elektrik Jabatan Kerja Raya (JKR) yang terkini;
- (ii) Integrasi dengan lain-lain sistem berkaitan (seperti *Main Fire Alarm Panel*). Kadar harga adalah tertakluk kepada keperluan;

- (iii) Insurans. Kadar harga adalah berdasarkan nilai premium sebenar dan kos pengurusan menggunakan formula berikut:

$$\text{Insuran} = \text{Nilai Premium Sebenar} + \text{Kos Pengurusan}^*$$

(*Kos Pengurusan = 30% daripada nilai premium sebenar)

- (iv) Sampel bahan dan ketukangan;
- (v) Sistem pbumian (*earthing*) tambahan; dan
- (vi) Salinan manual *operation and maintenance* (O&M) yang melebihi tiga (3) salinan.

Walau bagaimanapun, Kementerian/Agensi hendaklah memastikan keperluan item-item di atas dibincangkan dan dipersetujui secara berasingan antara Kontraktor dan JKR atau Kontraktor dan Pegawai Teknikal Kementerian/Agensi. Perkara-perkara ini hendaklah diputuskan terlebih dahulu oleh Kementerian/Agensi sebelum perolehan dibuat sebagai kos awalan (*preliminaries*).

- 3.5 Bagi Cukai Jualan, Agensi hendaklah mematuhi pekeliling semasa yang berkuat kuasa.

4. SKOP KONTRAK

- 4.1 Sepanjang tempoh perjanjian, skop kontrak yang ditetapkan adalah seperti berikut:
 - (i) Mereka bentuk, membekal, memasang, menguji dan mentauliah alat pemadam api mesra alam Aerohub® *Aerosol Fire Suppression System* dan FK5112 *Clean Agent Fire Suppression System*;
 - (ii) Skop kontrak hanya terpakai untuk projek bangunan baharu Kerajaan yang ditawarkan secara konvensional. Projek baharu secara reka dan bina tidak tertakluk kepada kontrak pusat ini. Bagi bangunan Kerajaan sedia ada, penggantian sistem sedia ada adalah berdasarkan keperluan "*as and when required*"; dan
 - (iii) Perkhidmatan penyelenggaraan kepada alat pemadam api mesra alam Aerohub® *Aerosol Fire Suppression System* dan FK5112 *Clean Agent Fire Suppression System* dalam tempoh tanggungan

kecacatan (12 bulan daripada tarikh penyerahan) adalah termasuk dalam skop kontrak ini.

5. SKOP KERJA

5.1 Sepanjang Tempoh Perjanjian, Kontraktor hendaklah melaksanakan dan mematuhi skop kerja seperti berikut:

(i) Bangunan Baharu

- a. Mereka bentuk, membekal, memasang, menguji dan mentauliah alat pemadam api mesra alam *Aerohub® Aerosol Fire Suppression System* dan *FK5112 Clean Agent Fire Suppression System*; dan
- b. Reka bentuk dan pemasangan alat pemadam api mesra alam *Aerohub® Aerosol Fire Suppression System* dan *FK5112 Clean Agent Fire Suppression System* hendaklah memenuhi keperluan statut, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan diperakukan oleh Jurutera Perunding Mekanikal dan Elektrikal bertauliah.
- c. Menyediakan lukisan rekabentuk kejuruteraan dan pengiraan bagi sistem alat pemadam api mesra alam *Aerohub® Aerosol Fire Suppression System* dan *FK5112 Clean Agent Fire Suppression System* yang diperakukan oleh Jurutera Perunding Mekanikal dan Elektrikal bertauliah untuk tujuan pengemukaan kepada JBPM.

(ii) Bangunan Sedia Ada

- a. Mereka bentuk, membekal, memasang, menguji dan mentauliah alat pemadam api mesra alam *Aerohub® Aerosol Fire Suppression System* dan *FK5112 Clean Agent Fire Suppression System*;
- b. Reka bentuk dan pemasangan alat pemadam api mesra alam *Aerohub® Aerosol Fire Suppression System* dan *FK5112 Clean Agent Fire Suppression System* hendaklah memenuhi keperluan statut, JBPM dan diperakukan oleh Jurutera Perunding Mekanikal dan Elektrikal bertauliah;

- c. Menyediakan lukisan rekabentuk kejuruteraan dan pengiraan bagi alat pemadam api mesra alam Aerohub® *Aerosol Fire Suppression System* dan FK5112 *Clean Agent Fire Suppression System* yang diperakukan oleh Jurutera Perunding Mekanikal dan Elektrikal bertauliah untuk tujuan pengemukaan kepada JBPM;
 - d. Membuka dan meletakkan sistem pencegah kebakaran sedia ada dalam kawasan/premis yang sama (sebelum kerja-kerja pelupusan dilaksanakan) adalah di bawah tanggungjawab Kontraktor; dan
 - e. Kaedah dan kerja-kerja pelupusan bagi sistem pencegah kebakaran yang lama setelah pemasangan sistem baharu adalah di bawah tanggungjawab Agensi mengikut peraturan pelupusan yang sedang berkuat kuasa. Agensi juga hendaklah mematuhi statut dan peraturan Jabatan Alam Sekitar/Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim yang sedang berkuatkuasa
- (iii) Sistem
- a. Alat pemadam api mesra alam Aerohub® *Aerosol Fire Suppression System* adalah untuk '*normally unoccupied*'. '*Normally unoccupied*' bermaksud bilik/kawasan yang tidak berpenghuni hanya dimasuki bagi tujuan penyelenggaraan seperti bilik jana kuasa, bilik elektrik, bilik bateri/*Uninterruptible Power Supply* (UPS) dan bilik suis; dan
 - b. Alat pemadam api mesra alam FK5112 *Clean Agent Fire Suppression System* adalah untuk '*normally occupied*'. '*Normally occupied*' bermaksud bilik/kawasan yang ada penghuni atau yang kerap kali dimasuki seperti bilik stor, bilik fail, bilik server dan bilik kebal.

6. KAEDAH PELAKSANAAN

- 6.1 Kaedah pelaksanaan pemasangan/penggantian alat pemadam api mesra alam Aerohub® *Aerosol Fire Suppression System* dan FK5112 *Clean Agent Fire Suppression System* ditetapkan seperti berikut:
- (i) JKR akan menyelaras dan memantau pelaksanaan projek bangunan baharu/penggantian di bangunan sedia ada bagi Kementerian/Agensi yang dilaksanakan oleh JKR sahaja; dan

- (ii) Projek bangunan baharu/penggantian di bangunan sedia ada yang dilaksanakan oleh Kementerian/Agensi masing-masing tanpa penglibatan JKR perlu diuruskan dan dipantau oleh Kementerian/Agensi tersebut.

7. PEMASANGAN PERALATAN

- 7.1 Peralatan yang dibekalkan dan diserahkan kepada Kerajaan hendaklah dipasang dengan sempurna/mematuhi kehendak kontrak yang memenuhi piawaian JBPM yang sedang berkuat kuasa.
- 7.2 Apa-apa kehilangan atau kerosakan yang disebabkan oleh pemasangan yang tidak sempurna atau cacat atau tidak memenuhi piawaian JBPM yang sedang berkuat kuasa hendaklah diganti oleh Kontraktor atas perbelanjaan sendiri dalam tempoh tujuh (7) hari atau mengikut persetujuan Agensi berkenaan dari tarikh notis penolakan.

8. TEMPOH JAMINAN

- 8.1 Tempoh jaminan bagi alat pemadam api mesra alam *Aerohub® Aerosol Fire Suppression System* dan *FK5112 Clean Agent Fire Suppression System* adalah dua belas (12) bulan dari tarikh penyerahan dan disah terima oleh Agensi/JKR.
- 8.2 Sekiranya terdapat aduan berkenaan pembekalan alat pemadam api mesra alam *Aerohub® Aerosol Fire Suppression System* dan *FK5112 Clean Agent Fire Suppression System* oleh Agensi, Kontraktor hendaklah menjawab aduan tersebut dalam tempoh dua puluh empat (24) jam dari masa aduan diterima.
- 8.3 Kontraktor hendaklah menyiapkan penggantian atau penambahbaikan terhadap alat pemadam api mesra alam *Aerohub® Aerosol Fire Suppression System* dan *FK5112 Clean Agent Fire Suppression System* dalam kadar segera tidak melebihi tempoh empat belas (14) hari dari tarikh aduan diterima.
- 8.4 Penyelenggaraan selepas tamat tempoh jaminan tidak termasuk di dalam skop kontrak pusat ini. Walau bagaimanapun, Agensi dengan peruntukan sendiri boleh menggunakan khidmat Kontraktor sekiranya sistem tersebut memerlukan penyelenggaraan.

9. ANGGARAN KEPERLUAN

- 9.1 Agensi dikehendaki membuat perancangan perolehan tahunan serta mengemukakan anggaran keperluan dan jangka masa pelaksanaan yang diperlukan kepada Kontraktor untuk membolehkan pihak Kontraktor membuat perancangan pelaksanaan. Satu salinan jadual perancangan hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan.
- 9.2 Sekiranya agensi tidak mematuhi arahan pada perenggan 9.1, Kontraktor tidak boleh dipersalahkan jika berlaku kelewatan pelaksanaan kelak.
- 9.3 Setelah menerima anggaran keperluan, pihak Kontraktor hendaklah membuat penyiasatan tapak (jika perlu) dan menyediakan lukisan reka bentuk untuk diserahkan kepada Agensi/JKR/JBPM supaya perkara-perkara lain yang tidak termasuk dalam skop kontrak seperti keperluan elektrik, struktur dan sivil dapat disediakan.
- 9.4 Agensi akan membuat pesanan setelah urusan reka bentuk dan lain-lain perkara berkaitan selesai.

10. PESANAN DAN TEMPOH SIAP PROJEK

- 10.1 Semua pesanan hendaklah dikemukakan kepada Kontraktor tidak lewat daripada enam (6) minggu sebelum tarikh kontrak tamat menggunakan kaedah berikut:
- (i) Pembelian terus dengan syarikat kontrak pusat yang dilantik bagi merekabentuk, membekal, memasang, menguji dan mentauliah alat pemadam api mesra alam Aerohub® *Aerosol Fire Suppression System* dan FK5112 *Clean Agent Fire Suppression System* termasuk aksesori dan perkhidmatan penyelenggaraan Sistem dalam tempoh tanggungan kecacatan (*Defects Liability Period - DLP*); dan
 - (ii) Lantikan terus dengan syarikat kontrak pusat yang dilantik bagi kos-kos tambahan lain yang tidak termasuk dalam kadar harga untuk penggantian sistem di bangunan sedia ada (jika perlu).
- 10.2 Pembekalan barang adalah dalam tempoh enam (6) minggu dari tarikh pesanan diterima daripada Agensi tertakluk kepada kesediaan tapak di bawah pemantauan Pegawai Penguasa (*Superintenden Officer*) atau tempoh siap projek yang dipersetujui antara Kerajaan dan Kontraktor.

- 10.3 Pihak Kontraktor dikehendaki menyerahkan polisi insuran yang berkaitan kepada Agensi. Walau bagaimanapun, pihak kontraktor dikecualikan menyerahkan Bon Pelaksanaan kepada Agensi.

11. DENDA/PENALTI

- 11.1 Sekiranya Kontraktor gagal menyiapkan projek dalam tempoh yang telah dipersetujui bersama tanpa alasan yang munasabah, maka pihak Kontraktor boleh dikenakan Denda Atas Kelewatan (*Liquidated Ascertained Damages*) berdasarkan formula berikut:

$$\frac{(\text{Harga Perolehan} \times *Base Rate (BR) \text{ Bank Negara}) \times \text{Bilangan Hari Lewat}}{365 \text{ hari}}$$

(*BR pada hari Pesanan dikeluarkan)

12. PENERIMAAN PEMBEKALAN

- 12.1 Agensi hendaklah memeriksa peralatan yang dipasang untuk memastikan bahawa model dan jumlah alat pemadam api yang dibekalkan adalah sama seperti mana yang dipesan. Sekiranya, didapati jumlah peralatan tersebut kurang, Kontraktor hendaklah diminta menggantikan jumlah yang kurang dengan segera tanpa sebarang kos tambahan.
- 12.2 Semua peralatan yang dipasang mestilah baru, tulen, berada dalam keadaan baik dan memuaskan. Sekiranya peralatan tersebut didapati rosak atau cacat semasa penyerahan, peralatan tersebut hendaklah ditolak dengan serta- merta secara bertulis kepada Kontraktor. Pihak kontraktor hendaklah diminta menggantikannya dengan peralatan yang baru tanpa sebarang kos tambahan.

13. PEMERIKSAAN

- 13.1 Kontraktor hendaklah menguji dan mentauliah sistem pencegah kebakaran yang dipasang dan perlu disahkan oleh perunding bertauliah yang dilantik oleh Kontraktor serta disaksikan oleh Pegawai Teknikal Agensi/JKR.
- 13.2 Kontraktor hendaklah memberi latihan pengoperasian kepada Agensi. Kontraktor juga dikehendaki menyerahkan tiga (3) salinan manual O&M beserta *As Built Drawing*.

14. PEMBAYARAN BIL

- 14.1 Pembayaran bil yang dikemukakan oleh Kontraktor hendaklah dibuat mengikut tatacara semasa yang ditetapkan dan masih berkuatkuasa. Bagi pesanan yang telah disempurnakan oleh Kontraktor dengan memuaskan beserta Perakuan Siap Kerja, bil mengenainya hendaklah dijelaskan dalam tempoh empat belas (14) hari daripada tarikh bil itu diterima.
- 14.2 Walau bagaimanapun, peraturan penerimaan yang diamalkan oleh sesuatu Agensi, pengesahan penerimaan perolehan mestilah dibuat dengan segera pada hari perolehan disempurnakan untuk membolehkan Kontraktor mengemukakan bil tuntutan seberapa segera. Bayaran hanya perlu dijelaskan setelah mendapat bil tuntutan daripada Kontraktor berserta Perakuan Siap Kerja. Walau bagaimanapun, bayaran mengikut kemajuan kerja boleh dibuat tertakluk kepada persetujuan bersama.

15. MODEL DAN SPESIFIKASI

- 15.1 Model alat pemadam api mesra alam *Aerohub® Aerosol Fire Suppression System* yang dibenarkan adalah SS-10/SS-20 dan jenama *Clean Agent Fire Suppression System* adalah FK5112. Spesifikasi teknikal bagi peralatan yang berkaitan dan lukisan pemasangan adalah seperti di **Lampiran B**.

16. PENGGUNAAN KONTRAK

- 16.1 Semua Agensi hendaklah menggunakan Pekeliling Perbendaharaan ini sepenuhnya dan tidak dibenarkan memperoleh dari punca lain tanpa kelulusan Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan atau Pegawai Kewangan Negeri mengikut mana yang berkenaan.

17. HAL-HAL LAIN

- 17.1 Agensi hendaklah mengemukakan aduan secara rasmi mengenai prestasi Kontraktor yang kurang memuaskan, jika ada, dalam kadar segera atau selewat-lewatnya 14 hari dari tarikh berlakunya perkara yang diadukan ke Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan seperti alamat berikut:

Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan
Aras 3, Blok Utara
Kompleks Kementerian Kewangan, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 Putrajaya
(u.p.: Timbalan Setiausaha Bahagian Perolehan Kerajaan
Sektor Pengurusan Kontrak)

- 17.2 Sebarang pertanyaan mengenai kontrak ini boleh dirujuk kepada Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan melalui e-mel ke alamat **kontrakpusat@treasury.gov.my**.
- 17.3 Pekeliling Perbendaharaan ini berkuat kuasa mulai 1 November 2023 sehingga 31 Oktober 2026.

Lampiran A**SPESIFIKASI PEMBEKALAN****1. Skop Dan Senarai Peralatan****a. Aerohub® Aerosol Fire Suppression System**

Bil.	Skop dan Senarai Peralatan Pembekalan	
1.	<i>Aerohub Canisters</i>	<i>SS20-20</i>
		<i>SS20-10</i>
2.	<i>Royalti FSA</i>	
3.	<i>Aksesori (Accessories)</i>	<i>Control panel (includes but not limited to surge protection devices (SPD), isolate switch and components required to make the system fuctional)</i>
		<i>Battery</i>
		<i>Smoke Detector</i>
		<i>Heat Detector</i>
		<i>Bell</i>
		<i>Twin Flashing Light</i>
		<i>Key Switch</i>
		<i>Signage set</i>
		<i>Relay 14-pin</i>
		<i>Fire Curtain</i>
		<i>Tripping Device</i>
		<i>Power Supply Wiring</i>
		<i>Body Cover</i>
		<i>Nozzle Cover</i>
		<i>Body Sticker</i>
		<i>Production Serial No Sticker</i>
		<i>Control Panel Sticker</i>
		<i>Bracket</i>
4.	<i>Logistik (Logistics)</i>	<i>Project Management Costs</i>
		<i>Transportation, Traveling & Accommodation</i>
		<i>Insurance</i>
5.	<i>Lukisan (Drawing)</i>	<i>Key Plan (Size A1)</i>
		<i>Floor Plan (Size A1)</i>
		<i>Room Plan (Size A1)</i>
		<i>Bomba</i>
		<i>Consultant</i>

6.	Pemasangan (Installations)	<i>Control Panel Fitting & Termination</i>
		<i>Aerohub Canisters</i>
		<i>Battery</i>
		<i>Smoke Detector</i>
		<i>Heat Detector</i>
		<i>Twin Flashing Light</i>
		<i>Bell</i>
		<i>Key Switch</i>
		<i>Fire Curtain</i>
		<i>Signage set</i>
		<i>Make Good Paint</i>
		<i>Testing & Commissioning</i>
7.	Percuma (Add-On Value)	<i>APC, New Control Panel, Data Logger</i>
		<i>Penghantaran barang</i>
		<i>Pemeriksaan tapak</i>
		<i>Pengawasan dan mesyuarat tapak</i>
		<i>Gambar foto kemajuan kerja</i>
		<i>Awning</i>

b. FK5112 Clean Agent Fire Suppression System

Bil.	Skop dan Spesifikasi Peralatan Pembekalan	
1.	FK5112 System + Piping	
2.	Aksesori (Accessories)	<i>Control panel (includes but not limited to surge protection devices (SPD), isolate switch and components required to make the system functional)</i>
		<i>Battery</i>
		<i>Smoke Detector</i>
		<i>Heat Detector</i>
		<i>Bell</i>
		<i>Twin Flashing Light</i>
		<i>Key Switch</i>
		<i>Signage set</i>
		<i>Relay 14-pin</i>
		<i>Fire Curtain</i>
		<i>Tripping Device</i>
		<i>Power Supply Wiring</i>
		<i>Control Panel Sticker</i>

3.	Logistik (<i>Logistics</i>)	<i>Project Management Costs</i>
		<i>Transportation, Traveling & Accommodation</i>
		<i>Insurance</i>
4.	Lukisan (<i>Drawing</i>)	<i>Key Plan (Size A1)</i>
		<i>Floor Plan (Size A1)</i>
		<i>Room Plan (Size A1)</i>
		<i>Bomba</i>
		<i>Consultant</i>
5.	Pemasangan (<i>Installations</i>)	<i>Control Panel Fitting & Termination</i>
		<i>Clean Agent Cylinder</i>
		<i>Battery</i>
		<i>Smoke Detector</i>
		<i>Heat Detector</i>
		<i>Twin Flashing Light</i>
		<i>Bell</i>
		<i>Key Switch</i>
		<i>Fire Curtain</i>
		<i>Signage set</i>
		<i>Make Good Paint</i>
		<i>Testing & Commissioning</i>
6.	Percuma (<i>Add-On Value</i>)	<i>APC, New Control Panel, Data Logger</i>
		<i>Penghantaran barang</i>
		<i>Pemeriksaan tapak</i>
		<i>Pengawasan dan mesyuarat tapak</i>
		<i>Gambar foto kemajuan kerja</i>
		<i>Awning</i>

Lampiran B**1. TECHNICAL SPECIFICATION FOR AEROHUB® AEROSOL FIRE SUPPRESSION SYSTEM****1.1 GENERAL**

The designated area shall be protected by an automatic alarm, fire detection and suppression system incorporating the total flooding fire extinguishing system. The fire extinguishing and detection system shall include but not limited to the following:

- i. Fire extinguishing panel;
- ii. Smoke detector;
- iii. Heat detector;
- iv. Alarm bell;
- v. Twin Flashing Light; and
- vi. Key Switch

1.2 DESIGN STANDARDS AND VERIFICATIONS

The agent shall be approved by Fire and Rescue Department Of Malaysia or tested according to National Fire Protection Association (NFPA) 2001 (Clean Agent Fire Extinguishing System) or NFPA 2010 (Aerosol System).

The extinguishing agent shall satisfy the following requirements:

- i. Extinguishing fire class A, B and C;
- ii. Aerosol fire extinguishing agent does not leave any residue upon evaporation;
- iii. Aerosol fire extinguishing agent does not react, corrode and damage the apparatus, equipment and system in place and certified by manufacturer; and
- iv. Electrically non-conductive.

The designed system components and the installed system shall be according to pre-tested limitations as approved or listed by a recognized testing laboratory/manufacturer.

1.3 SYSTEM DESIGN**1.3.1 General**

Aerohub® Aerosol Fire Suppression System does not have any pressure at normal operating condition. The installer only needs to determine the volume of the protected enclosure and number of Aerohub® canisters required as well as their location within the enclosure.

1.3.2 Method of Design

The outline for design of Aerohub® Aerosol Fire Suppression total flooding system generally involves the following at a minimum:

- i. Identify all possible hazards within the protected enclosure.
- ii. Identify possible openings of agent loss within the protected enclosure;
- iii. The volume of the protected enclosure is determined by taking into consideration exclusion of large impermeable structures/machinery. In addition, if the required coverage extends to the ceiling void and/or raised floor, determine the protected volume for the ceiling void and raised floor;
- iv. Calculate the quantity of agent required according to the hazard type within the enclosure. Factors such as non-closeable openings, forced ventilation and other conditions that may affect the quantity of agent required; and
- v. Calculate the quantity of canisters required to achieve the minimum design concentration to extinguish fire.

1.3.3 Factors of Design

Aerohub® Aerosol Fire Suppression System design calculations refer not to the design concentration of actual extinguishing agent - aerosol, but to the design factor, which is the mass of condensed aerosol generating element per unit of enclosure volume required to extinguish a specific type of fire, including a safety factor.

- i. Aerohub® Aerosol Fire Suppression System design factor is expressed in 100 g/m³;
- ii. Aerohub® Aerosol Fire Suppression System minimum design factor for Class B fires, involving nonflammable liquids such as petrol, diesel, hydraulic oil and automotive distillate is 100 g/m³;
- iii. Aerohub® Aerosol Fire Suppression System minimum design factor for Class A surface for involving non-smoldering combustible solids such as wood, textile and ordinary plastics is 100 g/m³;
- iv. Aerohub® Aerosol Fire Suppression System minimum design factor for Class A non - surface involving dense cable is 100 g/m³; and
- v. Advice from HUB or authorized Aerohub® Representative should be sought for any fire/fuel type not covered by the above minimum design factors.

The type of Aerohub® Aerosol Fire Suppression System canisters selected is typically based on several considerations as follows:

- i. Distribution of Aerosol: Although Aerohub® aerosol has tree-dimensional distribution of a gas; the even and rapid attainment of the minimum extinguishing concentration throughout the protected enclosure would obviously be desirable. In applications such the

protection of cable ducts and trenches, which are typically long and narrow, it would be appropriate to select several smaller units and spread them out evenly along protected volume although one large unit may fulfill the agent quantity requirement;

- ii. Mounting Locations: Certain protected enclosures may have specific permissible mounting locations. Mounting and orientation of the units shall follow the design approved by the manufacturer;
- iii. Cost Factors: The best cost option without sacrificing technical requirements should be practiced. The contractor at design stage shall consider and address possible fire hazards within the protected area. The proposed total flooding system shall provide the highest degree of fire protection for designated areas. The installation shall be designed and installed for extinguishing of fire in accordance with approved standards. The quantity of extinguishing agent shall be sufficient to ensure rapid extinction of any fire in the protected areas and with adequate safety factor. The agent shall be discharged within a nominal discharge time of not exceeding 60 seconds upon activation.

1.4 ENCLOSURE

The enclosure shall have adequate integrity to retain the design concentration for a required minimum holding time. The area of unlosable openings shall be kept to a minimum.

To prevent loss of agent through openings to adjacent hazards or work areas, opening shall be permanently sealed or equipped with automatic closures. The false ceiling space, room and floor void (conceal space exceeding 800 mm) shall be protected with the total flooding fire suppression system.

1.5 SYSTEM EQUIPMENTS

1.5.1 Total Flooding Canisters

Each Aerohub® Aerosol Fire Suppression System canister is comprised of an insulated steel housing containing the aerosol forming compound, initiator, insulating medium and internal element for oxidation and cooling of the aerosol stream prior to its discharge from the unit. The initiator utilizes a secure two wire connector for electrical activation. Each canister is sealed with a non-permeable membrane to maintain the internal integrity of the unit and to ensure their reliability in the even the most severe operating environments. The Aerohub® Aerosol Fire Suppression System canisters are protected under the patent in Malaysia 2006-1308.

1.5.2 Smoke Detector

Smoke detector acceptable to the authority having jurisdiction may*be used to operate -the Aerohub® Aerosol Fire Suppression System.

1.5.3 Heat Detector

Heat detector acceptable to the authority having jurisdiction may be used to operate the Aerohub® Aerosol Fire Suppression System.

1.5.4 Alarm Bell

An alarm shall be used in conjunction with the Time Delay to provide an audio alert to personnel in the area that a system discharge is imminent and that the protected area must be evacuated.

1.5.5 Red & Green Twin Flashing Light

Red & Green twin flashing light acceptable to the authority having jurisdiction may be used to operate the Aerohub® Aerosol Fire Suppression System.

1.5.6 Manual Key Switch

Manual Key Switch acceptable to the authority having jurisdiction may be used to operate the Aerohub® Aerosol Fire Suppression System.

1.5.7 Isolate Switch

A system isolate switch (located inside control panel) shall be used in areas where personnel may present for further safety application. The operation of the system shall be manual only when personnel are present. While the system isolate is active the automatic activation of the system is inhibited, but fire detection and alarm system shall continue to function. The system returns to full automatic control when the switch is reactivated.

1.5.8 Fire Extinguishing Panel

The Contractor shall supply and install the Fire Extinguishing Panel as detailed in the requirements. This panel shall incorporate the followings:

- i. Fire Detection and Manual Alarm System;
- ii. Standby Power Supplies; and

The Fire Extinguishing Panel shall be constructed from mild steel sheets, adequately braced. The compartments for the storage of the batteries shall have adequate vents and corrosion resistant treatment.

